

19 JUTA LAPAR KRONIK

Perang Ukraine-Rusia beri kesan besar kepada pasaran makanan global

Perang di Ukraine memberi kesan ketara kepada pasaran makanan global dan boleh menyebabkan tambahan 11 hingga 19 juta orang mengalami kelaparan kronik, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran pada Jumaat, lapor Xinhua.

Jurucakap FAO Boubaker Ben Belhassen dalam satu taklimat media di sini berkata kedua-dua negara yang terbabit dalam konflik itu adalah pengeluar utama komoditi pertanian dunia dengan gabungan bahagian sekitar 30 peratus daripada eksport gandum global.

Negara paling terjejas aki-

30%

Jumlah eksport gandum global daripada Russia dan Ukraine

bat konflik adalah di wilayah Afrika utara, katanya.

Beliau berkata, memetik laporan tinjauan makanan

terbaru FAO, yang menunjukkan kemungkinan mengetatkan pasaran komoditi makanan pada 2022 disebabkan 'harga input melambung tinggi, keseimbangan mengenai cuaca dan peningkatan keadaan pasaran tidak menentu.'

Selain itu, katanya, harga makanan antarabangsa yang lebih tinggi diunjurkan meningkatkan bil import

makanan global sehingga A\$1.8 trilion pada 2022.

"Bil import yang lebih tinggi terutama mencerminkan kos unit lebih tinggi berbanding volum yang lebih tinggi, dengan banyak negara, terutama negara yang terdedah dari segi ekonomi, menghadapi bil lebih tinggi ketika mengimport dalam jumlah lebih kecil," katanya.